

Apabila di dalam ayat tertentu ada dhamir yang boleh diterima kembalinya kepada lebih banyak daripada satu yang disebut, dan ia boleh dikembalikan kepada semua, maka dikembalikanlah ia kepadanya.	إِذَا كَانَ فِي الْآيَةِ ضَمِيرٌ يُحْتَمَلُ عَوْدُهُ إِلَى أَكْثَرِ مِنْ مَذْكُورٍ، وَأَمَكَّنَ الْحَمْلُ عَلَى الْجَمِيعِ، حُمِلَ عَلَيْهِ.	قاعدة 18
--	---	-----------------

Qaedah ini hanya boleh dipakai dalam keadaan tiada mani` (penghalang) yang menghalang dhamir itu kembali kepada semua marji` tersebut. Tetapi dalam keadaan ada mani`, ia semestinya dikembalikan kepada dhamir tertentu sahaja.

Qaedah ini boleh diaplikasikan pada beberapa firman Allah di bawah ini:

(1)

يَتَأْتِيهَا الْإِنْسَنُ إِنَّكَ كَادِحٌ إِلَى رَبِّكَ كَدْحًا فَمُلَاقِيهِ ﴿٦﴾

Bermaksud: Hai manusia, sesungguhnya kamu telah bekerja dengan sungguh-sungguh menuju Tuhanmu, maka pasti kamu akan menemui-Nya. (al-Insyiqaaq:6).

(2)

يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يُحِيطُونَ بِهِ. عَلَّمَا ﴿١٠﴾

Bermaksud: Allah mengetahui apa yang di hadapan mereka (dari hal-hal dunia) dan apa yang di belakang mereka (dari perkara akhirat); sedang mereka tidak mengetahuinya secara meliputi. (Thaha:110).